

# KLEARIT (Polyethylene Glycol 3350 and Electrolytes for Oral Solution USP)

Polyethylene Glycol 3350 (118g)/Anhydrous Sodium Sulfate (11.36g)/Sodium Bicarbonate (3.37g)/Sodium Chloride (2.93g)/Potassium Chloride (1.484g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan KLEARIT
2. Bagaimana KLEARIT berfungsi
3. Sebelum menggunakan KLEARIT
4. Cara menggunakan KLEARIT
5. Semasa menggunakan KLEARIT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KLEARIT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan KLEARIT

Pesakit yang disediakan untuk menjalani pembersihan usus besar bagi

- endoskopik atau radiologi. pemeriksaan
- pembedahan usus besar.

## Bagaimana KLEARIT berfungsi

KLEARIT meningkatkan jumlah air dalam usus dan meningkatkan kekerapan pembuangan najis. Kandungannya akan menjadi semakin berair dan akhirnya mendorong kepada pembersihan usus besar

## Sebelum menggunakan KLEARIT

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap *Polyethylene Glycol 3350* atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Sebelum menggunakannya  
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan KLEARIT

### Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain:

Cirit-birit yang disebabkan oleh KLEARIT akan mengganggu penyerapan ubat lain yang diambil serentak dan ia sepatutnya diambil lebih daripada 2 jam sebelum pengambilan KLEARIT. Elakkan pengambilan ubat oral sebelum dan selepas pengambilan julap sehingga pemeriksaan perubatan selesai. Bagi ubat-ubatan dengan julat terapeutik yang sempit atau dengan tempoh separuh hayat yang pendek seperti *digoxin*, *antiepileptics*, *coumarins*, dan *immunosuppressants*, keberkesannya boleh terjejas

## Cara menggunakan KLEARIT

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Arahkan pesakit untuk minum sejumlah sehingga 2 liter pada kadar 200 mL setiap 10 minit, sehingga 2 liter habis diminum atau najis yang keluar melalui rektum menjadi jernih. Minum setiap bahagian dengan cepat adalah lebih baik berbanding minum dalam jumlah kecil secara berterusan.

Pergerakan usus pertama biasanya berlaku kira-kira satu jam selepas permulaan pengambilan KLEARIT. Teruskan minum sehingga najis yang keluar berbentuk cecair jernih dan tidak mengandungi bahan pepejal.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

### - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan Cirit-birit yang teruk dan ketidakseimbangan elektrolit, termasuk hiponatremia dan hipokalemia, serta dehidrasi dan hipovolemia dengan tanda-tanda dan gejala yang berkaitan

## Semasa menggunakan KLEARIT

### - Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan KLEARIT.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Gunakan KLEARIT hanya dengan preskripsi doktor.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan KLEARIT kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

KLEARIT tidak mempengaruhi keupayaan untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan KLEARIT terhadap anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, KLEARIT boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Sangat biasa (berlaku dalam lebih daripada 1 daripada 10 pesakit): Loya, sakit perut dan dan perut kembung.
- Biasa (berlaku dalam 1 daripada 10 pesakit): Muntah
- Tidak diketahui (kekerapan tidak dapat dianggarkan dari data yang tersedia): Reaksi alergi teruk yang melibatkan pembengkakan pada muka, bibir, lidah atau tekak, atau kesukaran bernafas (kejutan *anaphylactic*), gatalgatal, ruam, gatal kulit (*pruritus*).

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan KLEARIT**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

KLEARIT adalah serbuk berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

1. Polyethylene Glycol 3350
2. Anhydrous sodium sulfate
3. Sodium bicarbonate
4. Sodium chloride
5. Potassium chloride

Bahan tidak aktif

N/A

Nombor MAL

MAL\*\*\*\*\*

**Pengilang**

TIL HEALTHCARE PVT LTD,  
Plot No: 100 West, R 5 South Sri city  
SEZ, Cherivi village  
Irugulam post, Satyavedu Mandal  
Tirupati district-517588  
Andhra Pradesh, INDIA

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Biocare Pharmaceutical (M) Sdn Bhd  
No.28G, 28-1 & 28- 2,  
Pusat Perdagangan PJCC,  
Jalan PJS 5/28,  
46150, Petaling Jaya,  
Selangor.

**Tarikh kemas kini RiMUP**

16/10/2025

**Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/109